

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

**HKN 208 – Puisi Melayu dan Indonesia Modern**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

Dalam setiap jawapan anda **diwajibkan** menyertakan bukti/contoh daripada sekurang-kurangnya **seorang penyair Indonesia dan seorang penyair Malaysia**.

**Contoh yang digunakan dalam suatu jawapan tidak dibenarkan diulang dalam jawapan lainnya.**

1. Bahasa menjadi alat terpenting sesebuah karya. Dengan merujuk kepada seorang penyair Malaysia dan seorang penyair Indonesia, tunjukkan teknik mereka dalam menggunakan bahasa puisi masing-masing.
2. ‘Kedalaman gagasan atau pengalaman mempengaruhi kekuatan pemikiran dalam sesebuah hasil penyair’. Berdasarkan beberapa sajak terpilih dari Malaysia dan Indonesia bincangkan pernyataan ini.
3. Bentuk puisi bukanlah hanya merupakan kulit dan wajah sesebuah sajak, malah bentuk menyumbang kepada makna keseluruhannya. Apakah unsur-unsur penting yang mencirikan bentuk sesebuah sajak?
4. ‘Selain bahasa, beberapa teknik puisi juga terlibat dalam memberi mutu kepada puisi’. Bincangkan pendapat ini dan sertakan contoh-contoh yang sesuai.

5. Pilih seorang penyair Malaysia dan seorang penyair Indonesia dan bandingkan kekuatan puisi mereka secara menyeluruh.
6. Apakah kerelevanan puisi di zaman industri dan teknologi semasa? Berikan contoh konkrit daripada sajak-sajak yang sesuai.

-- oo000oo --